



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PANDUAN:

PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

Diterbitkan oleh:

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

09 Jun 2025

Penerbitan

Tarikh: 09 Jun 2025

Notis Hak Cipta

Hak Cipta 2025 Jabatan Kastam DiRaja Malaysia.

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hak Cipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN.....	4
TERMINOLOGI.....	5
GAMBARAN UMUM PERKHIDMATAN PENDIDIKAN	7
PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN.....	9
KADAR CUKAI PERKHIDMATAN	14
SKOP CUKAI PERKHIDMATAN	15
PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN BAGI KAWASAN KHAS ATAU KAWASAN DITETAPKAN	17
LAYANAN KE ATAS PERKHIDMATAN BERCUKAI DIIMPORT	18
PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR	19
ISU-ISU PERALIHAN	21
SOALAN – SOALAN LAZIM	24
PERTANYAAN	30
BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT MENGENAI SST	30

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiarinya. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas:
 - (i) Mana-mana perkhidmatan bercukai yang diberikan di Malaysia oleh orang berdaftar dalam menjalankan perniagaannya; atau
 - (ii) Mana-mana perkhidmatan bercukai diimport (berkuat kuasa 1 Januari 2019).
3. Perkhidmatan bercukai adalah merujuk kepada senarai perkhidmatan yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
4. Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan bercukai yang melebihi nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan dikehendaki berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Orang berdaftar hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggannya.
5. Cukai perkhidmatan dikenakan pada kadar yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan di bawah subseksyen 10(2) Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
6. Panduan ini disediakan untuk meningkatkan pemahaman layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pendidikan di Malaysia.

TERMINOLOGI

7. Perkataan-perkataan berikut mempunyai tafsiran di dalam panduan ini melainkan jika terdapat maksud yang berlainan:

- (a) "**pendidikan swasta**" ialah pendidikan yang diberikan kepada pelajar-pelajar oleh institusi pendidikan swasta. Institusi pendidikan swasta ialah institusi bukan bantuan kerajaan dan dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta;
- (b) "**pendidikan tinggi**" ertinya pengajaran atau latihan mengenai atau pengajaran kursus pengajian yang membawa kepada penganugerahan sijil, diploma atau ijazah selepas berjaya menamatkan kursus pengajian itu di bawah Akta 555;
- (c) "**pendidikan tinggi**" ertinya pendidikan yang disediakan oleh institusi pendidikan tinggi di bawah Akta 550;
- (d) "**pelajaran tinggi**" termasuklah pendidikan Universiti dan Kolej Universiti di bawah Akta 30;
- (e) "**institusi pendidikan**" ertinya sekolah atau mana-mana tempat lain di mana, dalam menjalankan kerja sesuatu organisasi atau institusi, orang lazimnya diajar, sama ada dalam satu atau lebih kelas, dan termasuk tadika dan pusat pendidikan jarak jauh tetapi tidak termasuk— (a) mana-mana tempat di mana pengajaran itu terhad secara eksklusif kepada pengajaran mana-mana agama; atau (b) mana-mana tempat yang diisytiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta sebagai bukan institusi pendidikan bagi maksud Akta 550;
- (f) "**institusi pendidikan guru**" ertinya institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan guru yang membawa kepada penganugerahan

sijil, diploma, ijazah perguruan atau yang setaraf dengannya, atau apa-apa kelayakan lain sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta 550;

- (g) **“institusi pendidikan swasta”** ertinya sekolah atau institusi pendidikan yang bukan sekolah atau institusi pendidikan kerajaan atau bantuan kerajaan di bawah Akta 550;
- (h) **“institusi pendidikan tinggi”** ertinya institusi pendidikan yang menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan diploma, ijazah atau yang setaraf dengannya di bawah Akta 550;
- (i) **“institusi pendidikan tinggi swasta”** ertinya organisasi atau institusi pendidikan, termasuk universiti atau kolej universiti atau kampus atau kolej cawangan luar negara yang diluluskan dan didaftarkan di bawah seksyen 2 Akta 555;
- (j) **“kad OKU”** ertinya kad yang dikeluarkan di bawah seksyen 25 Akta 685;
- (k) **“Kawasan ditetapkan”** (“KD”) ertinya Labuan, Langkawi, Pangkor, Tioman dan Pulau 1. (Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018);
- (l) **“Kawasan khas”** (“KK”) bermaksud mana-mana zon bebas, gudang berlesen (Seksyen 65, Akta Kastam 1967) dan gudang pengilangan berlesen (Seksyen 65(A), Akta Kastam 1967), kawasan pembangunan bersama dan pangkalan bekalan petroleum (Seksyen 77B, Akta Kastam 1967) (Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018);
- (m) **“pendidikan prasekolah”** mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pendidikan 1996;

- (n) “**pendidikan rendah**” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pendidikan 1996;
- (o) “**pendidikan menengah rendah**” mempunyai erti yang diberikan padanya di bawah seksyen 2 Akta Pendidikan 1996;
- (p) “**pendidikan menengah atas**” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pendidikan 1996;
- (q) “**pendidikan lepas menengah**” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550];
- (r) “**sekolah khas**” ertinya sekolah yang menyediakan pendidikan khas yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 41 Akta Pendidikan 1996;
- (s) “**struktur fi**” ertinya amaun bayaran terperinci yang dikenakan kepada pelajar untuk mengikuti kursus pengajian atau program latihan di bawah seksyen 2 Akta 555;
- (t) “**warganegara Malaysia**” bermaksud individu yang mempunyai kad pengenalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara;

GAMBARAN UMUM PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

8. Perkhidmatan pendidikan terdiri daripada skop yang luas termasuk prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, institusi pendidikan guru dan institusi pengajian tinggi serta latihan yang disediakan oleh institusi swasta dan kerajaan. Sistem Pendidikan Kebangsaan di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengikut peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], Akta Universiti dan

Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555].

9. Pendidikan di bawah pentadbiran KPM merangkumi:
 - (a) Pendidikan Prasekolah (Awam & Swasta)
 - (b) Pendidikan Rendah (Awam & Swasta)
 - (c) Pendidikan Menengah (Awam & Swasta)
 - (d) Pendidikan Lepas Menengah
 - (e) Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)
 - (f) Pendidikan Khas
 - (g) Institut Pendidikan Guru
 - (h) Institusi Pendidikan Swasta

10. Pendidikan di bawah pentadbiran KPT merangkumi:
 - (a) institusi pengajian tinggi awam (universiti awam, politeknik atau kolej komuniti); dan
 - (b) institut pengajian tinggi swasta (kolej swasta, universiti swasta tempatan, kolej universiti swasta atau kampus cawangan universiti antarabangsa)

11. Institusi pendidikan swasta ialah institusi bukan kerajaan dan institusi pendidikan bukan bantuan kerajaan yang menawarkan pendidikan dari peringkat prasekolah hingga lepas menengah (pra-universiti). Institusi pendidikan swasta dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta dan menjalankan kurikulum yang diluluskan oleh KPM. Kategori institusi pendidikan swasta termasuk:
 - (a) Tadika Swasta
 - (b) Pusat Tuisyen
 - (c) Pusat Bimbingan
 - (d) Pusat Kemahiran/Pusat Latihan

- (e) Pusat Bahasa
- (f) Pusat Perkembangan Minda
- (g) Sekolah Rendah/Menengah Akademik
- (h) Sekolah Rendah/Menengah Agama
- (i) Sekolah Pendidikan Khas
- (j) Sekolah Antarabangsa
- (k) Sekolah Ekspatriat
- (l) Sekolah Menengah Persendirian Cina

PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN

12. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas penyediaan perkhidmatan pendidikan oleh institusi yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] seperti:

(a) Pendidikan Prasekolah Swasta

Institusi pendidikan awal kanak-kanak yang dimiliki dan dikendalikan secara bebas oleh individu atau syarikat swasta.

(b) Sekolah Rendah / Menengah Akademik Swasta

Sekolah yang menawarkan pendidikan rendah wajib untuk pelajar berumur 7 hingga 12 tahun dan pendidikan menengah untuk pelajar berumur 13 hingga 19 tahun. Kurikulum yang digunakan ialah kurikulum kebangsaan.

(c) Sekolah Rendah / Menengah Agama Swasta

Sekolah yang menawarkan pendidikan rendah wajib untuk pelajar berumur 7 hingga 12 tahun dan pendidikan menengah untuk pelajar berumur 13 hingga 19 tahun. Kurikulum yang digunakan ialah kurikulum kebangsaan dan/atau program tambahan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri.

(d) Sekolah Antarabangsa

Sekolah yang menawarkan kurikulum asing dan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Sekolah ini menerima pelajar warganegara dan bukan warganegara.

(e) Sekolah Ekspatriat

Sekolah yang menggunakan kurikulum dan bahasa pengantar rasmi negara asal untuk memberi pendidikan khas kepada masyarakat negara tersebut dengan kebenaran kedutaan.

(f) Sekolah Menengah Persendirian Cina

Menawarkan program pendidikan formal peringkat menengah menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar dan dikawal selia oleh Lembaga Peperiksaan Sekolah Menengah Persendirian Cina Malaysia (MICSS).

13. Penyediaan perkhidmatan pendidikan yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan di bawah perenggan 12 yang mengenakan yuran melebihi RM60,000 bagi setiap pelajar bagi setiap tahun akademik adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan tidak termasuk penyediaan perkhidmatan pendidikan bagi sekolah pendidikan khas dan pusat bahasa.
14. Manakala bagi warganegara dan pemegang kad OKU yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] yang menerima perkhidmatan pendidikan daripada institusi pendidikan swasta yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996 diberi pengecualian cukai perkhidmatan seperti yang dinyatakan di bawah Butiran 10, Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.

Contoh 1

Sekolah Khas Swasta GHI merupakan sekolah pendidikan khas yang berdaftar di bawah Akta 550 dan menyediakan perkhidmatan pendidikan khas kepada pelajar yang mengalami masalah pembelajaran. Penyediaan perkhidmatan pendidikan khas adalah tidak tertakluk kepada pengenaan cukai perkhidmatan. Oleh itu, Sekolah Khas Swasta GHI adalah tidak bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

Contoh 2

Sekolah Swasta ABC mengenakan yuran pengajian Pelajar D (Gred 4), Pelajar E (Gred 5) dan Pelajar F (Gred 6) masing-masing sebanyak RM57,000, RM63,000 dan RM75,000 dalam satu tahun akademik. Pelajar F mempunyai kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia. Dalam keadaan ini, yuran pengajian untuk Pelajar D dan Pelajar F tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan manakala yuran pengajian untuk Pelajar E dikenakan cukai perkhidmatan. Oleh itu, Sekolah Swasta ABC bertanggung untuk berdaftar sebagai orang kena cukai.

15. Pengiraan jumlah yuran yang dibayar melebihi RM60,000 bagi setiap pelajar bagi setiap tahun akademik ditentukan seperti berikut:

Contoh 3

Yuran Sekolah Swasta JKL untuk Tahun Akademik 2025-2026

Gred	Semester 1 (Sep – Dis 2025)	Semester 2 (Jan – Apr 2026)	Semester 3 (Mei – Ogos 2026)	Jumlah Yuran
4	RM19,000	RM19,000	RM19,000	RM57,000
5	RM21,000	RM21,000	RM21,000	RM63,000

Tahun akademik Sekolah Swasta JKL terdiri daripada tiga semester yang bermula pada September 2025 dan berakhir pada Ogos 2026. Sekolah ini mengenakan yuran sebanyak RM19,000 setiap semester atau RM4,750 sebulan untuk Gred 4 yang berjumlah RM57,000 dan mengenakan yuran sebanyak RM21,000 setiap semester atau RM5,250 sebulan untuk Gred 5 yang berjumlah RM63,000. Oleh itu, Pelajar Gred 5 yang mendaftar untuk tahun akademik 2025-2026 adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan dan Sekolah Swasta JKL perlu berdaftar sebagai orang kena cukai.

Contoh 4

Merujuk kepada jadual Contoh 3 di atas, Ali, pelajar Gred 5, memasuki Sekolah Swasta JKL pada Semester 2 dan dikenakan yuran sebanyak RM42,000 bagi tahun akademik 2025-2026. Sekolah Swasta JKL hendaklah mengenakan cukai perkhidmatan ke atas yuran pendidikan Ali kerana perkhidmatan pendidikan bagi pelajar Gred 5 bagi tahun akademik tersebut adalah berjumlah RM63,000.

16. Cukai perkhidmatan dikenakan dan dilevikan kepada bukan warganegara Malaysia atas perolehan perkhidmatan yang berhubung dengan pendidikan yang disediakan oleh:
 - (a) Institusi Pengajian Tinggi Awam
Institusi pengajian tinggi berstatus universiti atau kolej universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30].
 - (b) Institusi Pengajian Tinggi Swasta
Institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan berdasarkan Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 [Akta 555].
 - (c) Institusi Pendidikan Guru
Institusi Pendidikan Guru yang ditubuhkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

(d) Pusat Bahasa

Pusat bahasa yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] yang menawarkan kursus bahasa tidak melebihi 3 bulan atau 20 jam kredit (untuk satu tahap).

17. Penyediaan perkhidmatan pendidikan kepada warganegara Malaysia yang melanjutkan pelajaran di IPTA, IPTS, Institusi Pendidikan Guru dan Pusat Bahasa adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
18. Tiada nilai ambang (NIL) ditetapkan untuk penyediaan perkhidmatan pendidikan pra sekolah, rendah, menengah rendah, menengah atas atau lepas menengah.

Contoh 5

Sekolah Antarabangsa XYZ menawarkan kurikulum antarabangsa kepada Pelajar Gred 7. Jumlah yuran yang dikenakan bagi setiap pelajar bagi satu tahun akademik adalah seperti berikut:

Yuran Permohonan (sekali sahaja)	RM 1,000.00
Yuran Pendaftaran (sekali sahaja)	RM 5,000.00
Deposit	RM 5,000.00
Yuran Pengajian (satu tahun akademik)	RM 72,000.00
Jumlah kecil	RM 83,000.00
Cukai Perkhidmatan @ 6%	RM 4,980.00
Jumlah	RM 87,980.00

19. Tiada nilai ambang (NIL) ditetapkan untuk IPTA, IPTS dan Pusat Bahasa yang menyediakan perkhidmatan yang berhubung dengan pendidikan yang disediakan kepada bukan warganegara Malaysia.

Contoh 6

Seorang pelajar asing dari Timur Tengah mendaftar untuk program pasca siswazah di universiti awam di Malaysia. Pengiraan cukai perkhidmatan bagi program pengajian setiap semester adalah seperti berikut:

Yuran Pendaftaran	RM 1,085.00
Yuran Pengajian (setiap semester)	RM 1,335.00
Yuran Pentadbiran	RM 3,200.00
Jumlah kecil	RM 5,620.00
Cukai Perkhidmatan @ 6%	RM 337.20
Jumlah	RM 5,957.20

Contoh 7

Seorang pelajar asing dari Asia Timur mendaftar untuk Kursus Bahasa Inggeris di Pusat Bahasa ABC di Kuala Lumpur sebagai prasyarat sebelum pendaftaran di universiti swasta. Jumlah kos untuk kursus Bahasa yang disediakan adalah seperti di bawah:

Yuran Pendaftaran	RM 100.00
Yuran Pengajian (2 bulan)	RM 3,500.00
Jumlah kecil	RM 3,600.00
Cukai Perkhidmatan @ 6%	RM 216.00
Jumlah	RM 3,816.00

KADAR CUKAI PERKHIDMATAN

20. Cukai perkhidmatan bagi penyediaan perkhidmatan pendidikan dikenakan pada kadar 6% ke atas yuran atau fi bagi perkhidmatan pendidikan

SKOP CUKAI PERKHIDMATAN

21. Pengenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan M, Jadual Pertama, Peraturan – Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah berkuat kuasa pada 01 Julai 2025.
22. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan pendidikan bagi *playschool* swasta, tadika swasta, sekolah rendah swasta, sekolah menengah swasta, pusat tuisyen, pusat pembelajaran, sekolah antarabangsa dan sekolah expatriat.
23. Cukai perkhidmatan juga dikenakan ke atas bukan warganegara Malaysia yang memperoleh perkhidmatan pendidikan di Malaysia daripada universiti awam, universiti swasta, kolej, kolej universiti, institusi pendidikan guru, pusat pembelajaran dan pusat bahasa.
24. Semua caj perkhidmatan pendidikan yang disediakan oleh institusi pendidikan swasta yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996 termasuk apa-apa struktur yuran yang dikenakan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti berikut:
 - (a) yuran pengajian
 - (b) yuran pendaftaran
 - (c) caj kemasukan
 - (d) caj kokurikulum
 - (e) caj kemudahan / alat bantuan mengajar; atau
 - (f) sebarang caj atau fi lain berhubung dengan pendidikan yang dikenakan oleh institusi.
25. Lazimnya institusi pendidikan swasta mengadakan lawatan ke luar negara. Oleh itu, yuran yang dikenakan kepada pelajar tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana berada di luar skop (perkhidmatan yang disediakan di luar Malaysia).

26. Penyediaan perkhidmatan yang berhubungan dengan pendidikan kepada bukan warganegara yang disediakan oleh institusi pendidikan tinggi yang didaftarkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996, Akta Pendidikan 1996 dan pusat bahasa yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996 adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti berikut:
- (a) yuran pengajian
 - (b) yuran pendaftaran
 - (c) caj kemasukan
 - (d) caj kokurikulum
 - (e) caj buku dan peralatan belajar;
 - (f) caj kemudahan / alat bantuan mengajar; atau
 - (g) sebarang caj atau fi lain berhubung dengan pendidikan yang dikenakan oleh institusi.

Contoh 8

Pusat Bahasa LinguaPro Academy, sebuah pusat bahasa swasta yang beroperasi di Kuala Lumpur memberikan perkhidmatan pendidikan bahasa Perancis. Jumlah yuran yang dikenakan kepada pelajar bukan warganegara adalah berjumlah RM40,000 setahun. Perkhidmatan Pendidikan Bahasa kepada bukan warganegara adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti yang tertakluk di bawah Butiran 3, Kumpulan M, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

Contoh 9

IPTS Global College, sebuah kolej swasta yang berdaftar di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Malaysia, menawarkan program pasca siswazah dalam bidang perniagaan antarabangsa kepada pelajar warganegara asing. Seorang pelajar warga asing dari Indonesia mendaftar untuk program tersebut dan jumlah yuran yang dikenakan adalah sebanyak RM110,000 bagi tempoh setahun.

Perkhidmatan pendidikan yang diberikan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN BAGI KAWASAN KHAS ATAU KAWASAN DITETAPKAN

27. Pengenaan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan bercukai di dalam Kawasan Khas (“KK”) atau Kawasan Ditetapkan (“KD”) adalah berdasarkan kepada kuasa Menteri melalui peruntukan Perintah Cukai Perkhidmatan (Pengenaan Cukai Bagi Perkhidmatan Bercukai Berkenaan Dengan Kawasan Ditetapkan Dan Kawasan Khas) 2018.
28. Perkhidmatan bercukai selain daripada yang dinyatakan di dalam perintah tersebut, layanan cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan bercukai yang disediakan di dalam atau di antara Kawasan Khas dan Kawasan Ditetapkan adalah tertakluk kepada layanan cukai perkhidmatan seperti yang ditetapkan di Bahagian VIII dan Bahagian IX, Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Layanan cukai perkhidmatan bagi Kawasan Khas (“KK”) atau Kawasan Ditetapkan (“KD”) adalah berdasarkan kepada tempat perniagaan utama (TPU) syarikat.
29. Tempat perniagaan utama (TPU) boleh dirujuk sebagai satu lokasi utama, iaitu ibu pejabat, yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran, hala tuju, kawalan dan penyelarasan aktiviti perniagaan sesebuah syarikat. Ibu pejabat tersebut adalah merupakan pusat saraf syarikat yang menempatkan pihak pengurusan atasan, perakaunan, kawalan dan penyelarasan operasi harian syarikat. Di dalam konsep asas, TPU adalah merujuk kepada ibu pejabat sesebuah syarikat.

LAYANAN KE ATAS PERKHIDMATAN BERCUKAI DIIMPORT

30. Cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan dan dilevikan ke atas mana-mana perkhidmatan bercukai diimport (ImTS). Mana-mana orang yang dalam menjalankan perniagaannya di Malaysia memperoleh perkhidmatan bercukai daripada pemberi perkhidmatan dari luar Malaysia perlu membayar cukai perkhidmatan.

Contoh 10

Sekolah Antarabangsa MU menjemput guru pendidikan dari United Kingdom (UK) untuk mengajar subjek Bahasa Inggeris di dalam kurikulum British kepada pelajar-pelajar. Guru Pendidikan dari UK tersebut mengenakan caj sebanyak RM120,000 setahun kepada Sekolah Antarabangsa MU. Sekolah bertanggungjawab mengira dan membayar sendiri cukai perkhidmatan atas jumlah yang dibayar kepada guru luar negara kerana perkhidmatan tersebut tertakluk kepada perkhidmatan bercukai diimport.

Contoh 11

Sekolah Rendah Swasta Harmoni adalah sebuah institusi pendidikan swasta di Malaysia yang menawarkan kurikulum antarabangsa. Bagi meningkatkan kualiti pembelajaran kepada pelajar, pihak sekolah telah memperoleh pendidikan dalam talian daripada sebuah syarikat pendidikan yang berpangkalan di United Kingdom. Syarikat UK tersebut menyediakan pendidikan interaktif dan sesi kelas secara maya kepada pelajar melalui platform dalam talian. Bayaran yang dikenakan kepada sekolah untuk perkhidmatan pendidikan ini adalah RM90,000 setahun. Perkhidmatan pendidikan tersebut adalah tertakluk kepada perkhidmatan bercukai diimport (ImTS).

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

31. Mana-mana institusi pendidikan swasta yang menyediakan perkhidmatan pendidikan prasekolah, sekolah rendah, menengah rendah, menengah atas atau lepas menengah yang mengenakan yuran melebihi RM60,000 bagi setiap pelajar bagi setiap tahun akademik adalah bertanggungjawab untuk mendaftar di bawah Kumpulan M, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
32. Bagi tujuan pendaftaran di bawah ACP 2018, mana-mana orang yang memberikan perkhidmatan pendidikan hendaklah membuat pengiraan ke atas jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang diberikan pada bulan semasa dan sebelas bulan ke hadapan. Sekiranya jumlah nilai perkhidmatan bercukai tersebut melebihi RM60,000 bagi setiap pelajar bagi setiap tahun akademik, permohonan untuk tujuan pendaftaran perkhidmatan bercukai tersebut hendaklah dimohon tidak lewat dari hari terakhir bulan berikutnya.


Contoh 12

Sekolah Cerdik Maju (SCM) merupakan sebuah sekolah swasta yang mempunyai Tahun Akademik bermula Januari sehingga Disember. SCM menawarkan pakej yuran pembelajaran yang berpatutan kepada setiap pelajar mengikut gred seperti berikut:

Tahun/Gred	Yuran Pendaftaran (RM)	Yuran Bulanan (RM)	Jumlah Yuran (RM)
1	2500	4500	56500
2	2600	4600	57800
3	2700	4700	59100
4	3000	4800	60600
5	3200	4900	62000
6	3500	5000	63500

Berkuatkuasa 01 Julai 2025, penyediaan perkhidmatan pendidikan swasta menjadi suatu perkhidmatan bercukai. SCM merupakan orang kena cukai yang menyediakan perkhidmatan bercukai bagi pelajar di Tahun 4,5 dan 6. Oleh yang

demikian, SCM perlu membuat permohonan pendaftaran pada bulan Ogos 2025 bagi penyediaan perkhidmatan bercukai kepada pelajar Tahun/Gred 4, 5 & 6. Mana-mana yuran pendidikan yang dikenakan oleh SCM kepada pelajar Tahun/Gred 4, 5 dan 6 selepas SCM menjadi orang berdaftar adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.



Contoh 13

Pusat Bahasa Intelek (PBI) menawarkan kursus Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu kepada pelajar. Pada Tahun 2025, PBI telah mendaftarkan sejumlah 55 orang pelajar yang terdiri daripada 50 pelajar warganegara dan 5 pelajar bukan warganegara yang mengikuti kursus bahasa di PBI.

Berkuatkuasa 01 Julai 2025, penyediaan perkhidmatan pendidikan pusat bahasa menjadi suatu perkhidmatan bercukai. Oleh yang demikian, PBI bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 pada 1 July 2025 kerana menyediakan perkhidmatan bercukai dan perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas penyediaan perkhidmatan pendidikan pusat bahasa kepada pelajar bukan warganegara.

Ilustrasi 2

*Pelajar PBI yang terdiri daripada warganegara dan bukan warganegara.

33. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:
- (a) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
 - (b) Mengeluarkan invoice atau resit dengan butiran khusus kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh perkhidmatan;
 - (c) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh bercukai yang ditetapkan; dan
 - (d) Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.
34. Untuk maklumat lanjut tentang tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk kepada **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

ISU-ISU PERALIHAN

35. Berdasarkan Peraturan 3A, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (PPCP 2018) jika terdapat suatu perubahan dalam mana-mana perkhidmatan

bercukai sebagaimana yang dinyatakan Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 (PPCP 2018) kesan perubahan itu ke atas cukai perkhidmatan adalah seperti berikut:


- a) Dalam hal jika perkhidmatan bercukai tidak lagi dinyatakan sebagai suatu perkhidmatan bercukai dalam Jadual Pertama, PPCP 2018 dan pemberian perkhidmatan itu menjangkau selepas perubahan itu, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan ke atas bahagian perkhidmatan yang boleh dihubungkan dengan bahagian tempoh sebelum tarikh perubahan itu.
36. Dalam hal perkhidmatan bercukai disediakan sebelum tarikh kuat kuasa kenaan cukai dan melangkaui tarikh kuat kuasa kenaan cukai, nilai cukai perkhidmatan dikenakan secara pembahagian (apportionment) seperti berikut:
- (a) perkhidmatan bercukai yang disediakan sebelum tarikh kuat kuasa kenaan cukai perkhidmatan; dan
 - (b) perkhidmatan bercukai yang disediakan pada/selepas tarikh kuat kuasa kenaan cukai perkhidmatan.

Contoh 14

Sekolah Antarabangsa Cyber (SAC) menyediakan perkhidmatan pembelajaran yang interaktif kepada pelajar-pelajarnya. Yuran persekolahan bagi setiap tahun akademik bermula dengan RM85,000 sehingga RM150,000 mengikut gred dan yuran persekolahan perlu dibayar sepenuhnya sebelum bermulanya sesi persekolahan untuk setiap tahun akademik.

SAC telah memohon pendaftaran pada 13 Ogos 2025 dan tarikh kuat kuasa pendaftaran adalah pada 1 September 2025. Oleh kerana SAC mengamalkan sistem pembayaran sebelum bermula sesi persekolahan, maka semua yuran persekolahan bagi tahun akademik 2025 bermula daripada bulan Januari sehingga bulan Disember 2025 telah selesai dipungut pada Januari 2025. Cukai


perkhidmatan dikenakan kepada pelajar SAC bermula pada tahun akademik berikutnya iaitu tahun 2026.



Contoh 15

Sekolah Antarabangsa Maju (SAM) mengenakan yuran pembelajaran mengikut gred bermula daripada RM25,000 sehingga RM45,000 untuk setiap semester. Bagi setiap tahun akademik di SAM, iaitu Jun hingga Mei, setiap pelajar perlu melengkapkan sekurang-kurangnya dua semester untuk naik ke gred seterusnya.

SAM telah memohon pendaftaran pada 13 Ogos 2025 dan tarikh kuat kuasa pendaftaran adalah pada 1 September 2025. SAM mengenakan cukai perkhidmatan kepada pelajar yang layak mulai Semester 2 iaitu pada bulan Disember 2025 bagi tahun akademik 2025/2026.



SOALAN – SOALAN LAZIM

1. Q : Siapa orang kena cukai untuk perkhidmatan pendidikan?
- A : (i) Mana – mana institusi pendidikan swasta yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996 tidak termasuk sekolah khas dan pusat bahasa yang menyediakan perkhidmatan pendidikan pra sekolah, rendah, menengah rendah, menengah atas atau lepas menengah yang mengenakan yuran melebihi RM60,000 bagi setiap pelajar bagi setiap tahun akademik.
- (ii) Mana – mana
- a) institusi pelajaran tinggi yang berdaftar di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971;
 - b) institusi pendidikan tinggi swasta yang berdaftar di bawah Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996; atau
 - c) institusi pendidikan tinggi yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996
- yang menyediakan semua perkhidmatan pendidikan pelajaran tinggi, pendidikan tinggi swasta, pendidikan tinggi atau pendidikan guru kepada bukan warganegara Malaysia.
- (iii) Pusat bahasa yang didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996
2. Q : Siapakah penyedia perkhidmatan pendidikan swasta yang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan?
- A : Penyedia perkhidmatan pendidikan swasta yang tidak berdaftar

di bawah Akta yang ditetapkan tidak bertanggung untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

3. Q : Adakah cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan pendidikan rendah dan menengah di Malaysia?

A : (i) Perkhidmatan pendidikan di Malaysia yang disediakan oleh kerajaan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

(ii) Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan pendidikan swasta termasuk tadika swasta, sekolah rendah/menengah akademik, sekolah rendah/menengah agama, sekolah antarabangsa, sekolah ekspatriat dan sekolah menengah persendirian Cina yang mengenakan yuran melebihi RM60,000 bagi setiap pelajar bagi setiap tahun akademik.

4. Q : Adakah cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan pendidikan peringkat pengajian tinggi di Malaysia?

A : Perkhidmatan pengajian tinggi di Malaysia dikenakan cukai perkhidmatan untuk pelajar bukan warganegara Malaysia yang belajar di institusi pengajian tinggi awam, institusi pengajian tinggi swasta atau pusat bahasa.

5. Q : Saya pemegang kad orang kurang upaya (OKU), adakah saya layak mendapat pengecualian cukai perkhidmatan?

A : Warganegara Malaysia dan memegang kad Orang Kurang Upaya (OKU) yang sah yang dikeluarkan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] diberi pengecualian cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan pendidikan oleh institusi pendidikan swasta seperti yang dinyatakan di Butiran 10, Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan

Daripada Pembayaran Cukai) 2018

6. Q : Pelajar diberi tajaan yuran pengajian oleh syarikat swasta. Adakah yuran pengajian tertakluk kepada cukai perkhidmatan?
- A : (i) Berdasarkan seksyen 9, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807], cukai perkhidmatan dikenakan ke atas nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kepada penerima perkhidmatan.
- (ii) Yuran pengajian yang dibayar oleh syarikat swasta yang menaja pelajar adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
7. Q : Pihak sekolah menyediakan biasiswa kepada beberapa pelajar untuk keseluruhan yuran pengajian (tiada yuran pengajian perlu dibayar oleh pelajar). Adakah yuran pengajian dibayar oleh sekolah tertakluk kepada cukai perkhidmatan?
- A : (i) Berdasarkan seksyen 9, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807], cukai perkhidmatan dikenakan ke atas nilai sebenar perkhidmatan bercukai yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan kepada penerima perkhidmatan.
- (ii) Memandangkan sekolah menaja yuran pengajian, sekolah perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan. (jika melebihi RM60,000 bagi setiap pelajar bagi setiap tahun akademik)
8. Q : Pihak sekolah mengadakan lawatan sambil belajar ke luar negara seperti di Jepun. Adakah bayaran yuran untuk lawatan sambil belajar juga tertakluk kepada cukai perkhidmatan?
- A : Cukai perkhidmatan tidak dikenakan ke atas bayaran untuk lawatan sambil belajar ke luar negara.
9. Q : Sebuah sekolah di Malaysia menerima sejumlah pelajar dari UK untuk tujuan program pertukaran pelajar. Pihak sekolah

mengenakan bayaran kepada pelajar asing yang terlibat dalam program tersebut. Adakah caj ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

A : Ya, perkhidmatan yang disediakan oleh sekolah di Malaysia untuk program pertukaran pelajar adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

10. Q : Adakah semua penyedia perkhidmatan pendidikan yang mengendalikan sekolah swasta perlu didaftarkan?

A : Tidak, hanya penyedia perkhidmatan pendidikan sekolah swasta yang mengenakan yuran melebihi RM60,000 bagi setiap pelajar bagi setiap tahun akademik bertanggungjawab untuk berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

11. Q : Berapakah kadar cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas perkhidmatan pendidikan?

A : Perkhidmatan pendidikan tertakluk kepada kadar cukai perkhidmatan sebanyak 6%.

12. Q : Bilakah tarikh kuat kuasa perkhidmatan pendidikan menjadi perkhidmatan bercukai?

A : Tarikh kuat kuasa perkhidmatan pendidikan menjadi perkhidmatan bercukai adalah pada 01 Julai 2025.

13. Q : Bilakah penyedia perkhidmatan pendidikan perlu berdaftar?

A : Penyedia perkhidmatan pendidikan yang bertanggungjawab perlu membuat pendaftaran secara dalam talian bermula 1 Ogos 2025 dengan mengemukakan borang SST-01 melalui sistem MySST.

14. Q : Adakah Yuran Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) tertakluk kepada cukai perkhidmatan?
A : Tidak. Yuran PIBG tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
15. Q : Adakah MRSM orang kena cukai di bawah perkhidmatan pendidikan?
A : Ya. MRSM didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan ditubuhkan di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 [Akta 489] dan bertanggung untuk berdaftar jika ia mengenakan yuran melebihi RM60,000 bagi setiap pelajar bagi setiap tahun akademik.
16. Q : Adakah sekolah rendah agama swasta merupakan orang kena cukai di bawah perkhidmatan pendidikan?
A : Ya, sekolah rendah agama swasta didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan bertanggung untuk berdaftar jika ia mengenakan yuran melebihi RM60,000 bagi setiap pelajar bagi setiap tahun akademik.
17. Q : Adakah sekolah menengah persendirian Cina merupakan orang kena cukai di bawah perkhidmatan pendidikan?
A : Ya, sekolah menengah persendirian Cina didaftarkan di bawah Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] dan bertanggung untuk berdaftar jika ia mengenakan yuran melebihi RM60,000 bagi setiap pelajar bagi setiap tahun akademik.
18. Q : Adakah sekolah memandu tertakluk kepada cukai perkhidmatan?
A : Sekolah memandu ialah orang kena cukai sedia ada di bawah Butiran g, Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan

Cukai Perkhidmatan 2018 [P.U.(A)214/2018].

19. Q : Adakah perkhidmatan pendidikan yang disediakan di Pulau Langkawi dikenakan cukai perkhidmatan?
A : Bagi tujuan cukai perkhidmatan, perkhidmatan bercukai yang disediakan di dalam atau di antara Kawasan Khas dan Kawasan Ditetapkan adalah tertakluk kepada layanan cukai perkhidmatan seperti yang ditetapkan di Bahagian VIII dan Bahagian IX, Akta Cukai Perkhidmatan 2018.
20. Q : Sebagai orang berdaftar, apakah persediaan yang perlu dibuat?
A : Sebagai orang berdaftar, penyedia perkhidmatan mesti mematuhi tanggungjawab mereka sebagai orang berdaftar mengikut peruntukan perundangan cukai perkhidmatan dan mesti menyesuaikan atau meminda sistem perakaunan tertakluk kepada keperluan.
21. Q : Adakah deposit dibayar kepada penyedia perkhidmatan pendidikan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?
A : Deposit adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan jika ia adalah sebahagian daripada pembayaran ke atas perkhidmatan bercukai tersebut.
22. Q : Di manakah senarai penyedia perkhidmatan pendidikan yang berdaftar di bawah Akta Pendidikan 1996, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Akta Institusi Pengajian Tinggi Swasta 1996 boleh dilihat?
A : (i) Senarai penyedia perkhidmatan pendidikan swasta untuk sekolah rendah dan menengah boleh dilihat melalui pautan berikut:

<https://smips.moe.gov.my/utama.cfm?cari>

- (ii) Senarai penyedia perkhidmatan pendidikan swasta untuk IPTS boleh dilihat melalui pautan berikut:

<https://jpt.mohe.gov.my/portal/index.php/ms/ipt/ipt-swasta/25-senarai-daftar-dan-statistik-ipt-swasta>

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan panduan ini, sila berhubung dengan pejabat berikut:

Bahagian Cukai Dalam Negeri,
Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan,
Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Aras 6, Tower A, Suasana PjH,
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya.

BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT MENGENAI SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) **Laman Web SST:** <https://mysst.customs.gov.my>

- (ii) **Pusat Panggilan Kastam:**

- Hotline : 1-300-888-500
- Telefon : 03-8882 2100 / 2300 /2500
- Email : ccc@customs.gov.my